

Headline **Pantai sistem berpusat tingkat kecekapan**
Date **12 May 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Ekonomi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **22**
Article Size **115 cm²**
Color **One Spot Color**
ADValue **1,886**
PRValue **5,657**



Pantai sistem berpusat tingkat kecekapan

KUALA LUMPUR 11 Mei – Pantai Holdings Bhd. (Pantai) membuat sejumlah besar pelaburan untuk melaksanakan satu sistem berpusat bagi operasi klinikal, kewangan dan pentadbirannya dalam rangkaian 10 buah hospitalnya di negara ini.

Bagaimanapun, hospital swasta itu enggan mendedahkan jumlah pelaburan berkenaan yang digunakan untuk Sistem Pengurusan dan Rekod Lengkap Hospital (Charms).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr. Chan Boon Kheng berkata, projek itu merupakan komponen penting dalam proses penjenamaan semula hospital itu yang dimulakan sejak tahun lalu.

“Pelaburan kami ‘terlalu besar’ dan ia merupakan tanda komitmen kami untuk menjadi peneraju dalam industri penjagaan kesihatan,” katanya pada sidang akhbar selepas memeterai perjanjian antara Pantai bersama Eclipsys International dan Revere Technologies Sdn. Bhd. di sini hari ini.

Mengikut perjanjian itu, kedua-dua syarikat teknologi maklumat (IT) itu akan menyediakan kemudahan bagi modul Charms.

Sistem IT itu akan menyokong penyampaian lengkap penjagaan kesihatan di Hospital Pantai, dengan fokus kepada peruntukan kualiti klinikal, keselamatan pelanggan dan kecekapan organisasi

Dengan adanya Charms, ia akan meningkatkan kelajuan akses data pesakit, mengurangkan masa kemasukan dan keluar hospital, memperbaiki masa makmal dan pengimejan dan meningkatkan kualiti klinikal.

Boon Kheng berkata, pelaksanaan sistem baru itu adalah seiring dengan peningkatan jangkauan daripada pelanggan yang meletakkan harapan yang tinggi dalam kualiti dan perkhidmatan hospital.